



MYSOP

Prosedur Operasi Standard (SOP) #ReopeningSafely

1 Mei 2022



Arahan Tetap

- Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*]
- Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022 [*P.U.(A) 83/2022*]
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa

1. Prosedur Operasi Standard (SOP) ini telah ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan menurut Peraturan 17 Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (Pelan Pemulihan Negara) (Fasa Peralihan ke Endemik) 2022 [*P.U.(A) 83/2022*]. SOP ini hendaklah dipatuhi oleh semua individu di seluruh Malaysia dan mula berkuat kuasa pada 1 April 2022.
2. SOP ini menetapkan keperluan wajib untuk menjalankan aktiviti-aktiviti harian. Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis, Pekerja dan Individu hendaklah sentiasa mematuhi SOP semasa menjalankan atau menyertai aktiviti di premis yang berkenaan termasuk kawasan terbuka, ruang tertutup atau di dalam kenderaan. Definisi adalah seperti berikut:

A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis¹	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan premis termasuk kenderaan² atau aktiviti yang dijalankan termasuk pemilik/ pemunya/ penghuni, pemegang pendaftaran/ lesen/ permit beroperasi, operator premis, syarikat, peniaga, majikan, pertubuhan, persatuan, pengurusan rumah ibadat (termasuk masjid dan surau), penganjur, pengatur acara atau tuan rumah untuk kediaman persendirian. <p>Nota: ¹ Definisi premis di bawah Akta 342 adalah "termasuklah apa-apa struktur, kekal atau selainnya, tanah di mana struktur itu terletak, dan mana-mana tanah bersebelahan yang digunakan berkaitan dengannya, dan termasuk juga mana-mana jalan, kawasan lapang atau kenderaan".</p> <p>² Definisi "kenderaan" dalam Akta 342 adalah termasuklah kapal, pesawat udara, keretapi, kenderaan jalan raya dan apa-apa alat pengangkutan lain.</p>
B) Pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • Orang yang digajikan atau ditugaskan oleh Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis untuk menjalankan sesuatu kerja atau tugas tertentu termasuk kakitangan, tenaga pengajar, penyedia perkhidmatan pihak ketiga, marsyal/ pengelola/ kru di acara sukan atau hiburan atau sukarelawan.
C) Individu	<ul style="list-style-type: none"> • Orang yang hadir di premis atau menjalankan aktiviti termasuk pelanggan, pengunjung, penonton, penganut, ibu bapa, murid, pelajar, pelatih atau peserta; • Ibu bapa atau penjaga hendaklah bertanggungjawab terhadap tanggungan masing-masing (contoh: individu di bawah 18 tahun, warga emas, individu kurang upaya dan berkeperluan khas); • Majikan langsung atau majikan utama atau kedua-duanya; dan • Pengembara dari luar negara sama ada individu warganegara atau bukan warganegara yang memasuki Malaysia, melalui laluan udara, laut dan darat. Pengembara juga hendaklah mematuhi semua akta, peraturan dan SOP berkaitan keperluan pengembara sebelum berlepas ke Malaysia, semasa ketibaan di Malaysia dan semasa berada di Malaysia.

Arahan Tetap

3. Keperluan Umum dan Tambahan dalam SOP ini hendaklah dipatuhi oleh Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis, Pekerja dan Individu yang berkaitan melainkan dengan pengecualian tertentu yang telah diberikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.
4. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan SOP ini atau mana-mana arahan Ketua Pengarah Kesihatan atau seseorang pegawai diberi kuasa di bawah Akta 342, apabila disabitkan, boleh didenda atau dipenjarakan atau kedua-duanya. Pengisytiharan maklumat palsu yang dibuat oleh Individu adalah satu kesalahan di bawah seksyen 22.(d) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] dan jika sabit kesalahan boleh dihukum di bawah seksyen 24 Akta yang sama.
5. Jika sesuatu pertubuhan perbadanan (syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain) melakukan suatu kesalahan di bawah SOP ini, mana-mana orang yang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah seorang pengarah, pegawai pematuhan, pekongsi, pengurus, setiausaha syarikat atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan itu atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian:
 - a. Boleh dipertuduh secara berasingan atau bersesama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan
 - b. Jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah atas kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan:
 - i. Bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
 - ii. Bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha wajar untuk menghalang pelakuan kesalahan itu.
6. Mana-mana Pekerja dan Individu secara amnya mesti memahami syarat kehadiran di premis atau penyertaan aktiviti-aktiviti tertentu serta akur kepada arahan Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis semasa berada di premis di mana aktiviti-aktiviti tersebut dijalankan.
7. Bagi kawasan/ lokaliti yang dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), SOP PKPD di kawasan/ lokaliti berkenaan adalah berkuat kuasa sehingga tarikh tamat PKPD tersebut.
8. Dalam situasi/ keadaan tertentu, Kementerian, Jabatan atau Agensi boleh mengeluarkan protokol khusus bagi tujuan menerangkan pelaksanaan sesuatu perkara atau keadaan itu berdasarkan keperluan yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Selain daripada SOP ini, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk sentiasa mematuhi undang-undang, ketetapan dan lain-lain arahan yang berkuat kuasa atau dikeluarkan oleh Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa.

Kategori aktiviti

Aktiviti-aktiviti di bawah tertakluk kepada bidang kuasa Kementerian, jabatan dan agensi berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri.

Bil.	Kategori Aktiviti
1	Pengangkutan dan Perjalanan
2	Institusi Pendidikan dan Penjagaan
3	Aktiviti Peruncitan, Makanan dan Minuman
4	Ruang Kerja Tertutup
5	Kawasan Kerja Terbuka
6	Acara, Majlis, Hiburan dan Tarikan Pelancong
7	Hotel dan Penginapan Tetamu
8	Keagamaan, Perkahwinan dan Pengebumian
9	Aktiviti dan Fasiliti Sukan, Rekreasi & Riadah

Bil.	Perkara-perkara yang Tidak Dibenarkan
1	Aktiviti di Kelab Malam

Nota: Aktiviti di Kelab Malam dibenarkan mulai 15 Mei 2022 dengan protokol pelaksanaan yang ditetapkan.

KEPERLUAN UMUM

	Muka Surat
1. Waktu Beroperasi	5
2. Pelitup Muka	5
3. Pengudaraan	6
4. Kebersihan Tangan	6
5. Pembersihan Premis	6
6. Ujian Pengesanan COVID-19	6
7. Pengurusan Individu	7

Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
1. Waktu Beroperasi	<p><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></p> <p>i. Beroperasi mengikut syarat lesen dan permit Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</p>
2. Pelitup Muka^{1,2,3}	<p><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></p> <p>i. Memastikan Pekerja dan Individu sentiasa memakai pelitup muka semasa di ruang tertutup².</p>
	<p><u>B) Pekerja dan C) Individu:</u></p> <p>i. Memakai pelitup muka semasa di ruang tertutup².</p>
	<p>Nota: ¹ Pemakaian pelitup muka di luar bangunan dan kawasan terbuka tidak diwajibkan tetapi digalakkan terutamanya apabila:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Berada di kawasan ramai orang dan sesak seperti bazaar ramadan, pasar malam, stadium; - Individu yang bergejala seperti demam, batuk dan selesema; - Individu yang berisiko tinggi; - Melakukan aktiviti bersama orang yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak. <p>² Pemakaian pelitup muka diwajibkan apabila berada di dalam bangunan (<i>indoor</i>) termasuk gedung membeli belah dan pengangkutan awam termasuk <i>e-hailing</i>.</p> <p>³ Pengecualian pemakaian pelitup muka di dalam bangunan (<i>indoor</i>) hanya dibenarkan dalam keadaan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penghuni di kediaman sendiri, bilik hotel, bilik di tempat penginapan, di tempat dan kemudahan awam yang tidak melibatkan interaksi dengan individu lain; - Ruang kerja bersendirian; - Aktiviti sukan, rekreasi dan riadah tetapi ia hendaklah segera dipakai semula setelah selesai melakukan aktiviti tersebut; - Sewaktu makan dan minum; - Aktiviti persembahan (menyanyi, menari, berlakon); - Sewaktu sedang berucap atau berceramah; - Kanak-kanak berusia lima (5) tahun dan ke bawah; - Individu berkeperluan khas (Orang Kurang Upaya tertentu seperti Individu dengan <i>Cerebral Palsy</i> atau <i>Autism</i>); atau - Individu mempunyai masalah pernafasan (dengan syarat mengemukakan laporan perubatan yang telah disahkan oleh pengamal perubatan berdaftar).

Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
3. Pengudaraan	<p><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan premis terutamanya di ruang tertutup mempunyai pengudaraan dan sistem ventilasi yang baik mengikut Garis Panduan Pengudaraan Dan Kualiti Udara Dalam, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)¹. <p>Nota: ¹ Sila rujuk Garis Panduan Pengudaraan dan Kualiti Udara Dalam JKKP di https://www.dosh.gov.my/index.php/ms/guidance-note-on-indoor-air-quality-iaq-during-covid-19-pandemic</p>
4. Kebersihan Tangan	<p><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan kemudahan untuk membasuh tangan dengan sabun dan air atau <i>hand sanitiser</i> di tempat bersesuaian dan strategik.
5. Pembersihan Premis	<p><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Melaksanakan proses pembersihan secara berkala (sekurang-kurangnya sekali sehari) terutamanya di kawasan umum atau peralatan dan permukaan sering disentuh; dan ii. Memastikan proses pembersihan direkod untuk diperiksa.
6. Ujian Pengesanan COVID-19 (Berdasarkan dan tertakluk kepada Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (NTS))	<p><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mematuhi keperluan ujian COVID-19 mengikut NTS¹ untuk Pekerja dan Individu. ii. Pengamal perubatan di mana-mana fasiliti kesihatan hendaklah menggunakan Sistem eCOVID bagi memasukkan data individu yang menjalankan ujian pengesanan COVID-19, sama ada dilakukan secara fizikal atau secara maya dengan pengamal perubatan tersebut. <p><u>B) Pekerja dan C) Individu:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mematuhi keperluan ujian COVID-19 mengikut NTS¹; dan ii. Melaporkan keputusan ujian di aplikasi MySejahtera. <p>Nota: ¹ Sila rujuk Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan (NTS) KKM di https://covid-19.moh.gov.my/reopeningsafely/nts</p>

Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
7A. Pengurusan Individu Bergejala Dan Disahkan COVID-19	<p><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyediakan protokol kesihatan dan keselamatan serta menguruskan individu bergejala, kes disahkan COVID-19 dan kontak rapat berdasarkan <i>COVID-19 Management Guidelines for Workplaces</i>, KKM (Annex 25)¹; ii. Memastikan Pekerja dengan status MySejahtera ‘Risiko Tinggi’, iaitu kes positif COVID-19 dan individu sedang dalam tempoh Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (HSO), tidak dibenarkan berada di premis atau di lokasi aktiviti; iii. Menjalankan proses pembersihan dan disinfeksi berdasarkan Garis Panduan Pembersihan dan Disinfeksi di Tempat Awam, KKM (Annex 36)¹; iv. Membiayai kos ujian saringan sekiranya Pekerja bergejala semasa di premis atau di lokasi aktiviti, kos pembersihan dan disinfeksi di premis; v. Majikan perlu menanggung kos pengasingan kes COVID-19 dan kuarantin kontak rapat. Bagi penjawat awam, tertakluk kepada pekeliling kerajaan dari semasa ke semasa; dan vi. Menerima pakai digital HSO untuk Pekerja yang disahkan COVID-19 sebagai pembuktian Pekerja menjalani pengasingan atau kuarantin. vii. Jika didapati berlaku kluster kes COVID-19 di sesebuah premis, laporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran dengan segera.
	<p><u>B) Pekerja dan C) Individu:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Melaporkan keputusan ujian dalam aplikasi MySejahtera sekiranya positif COVID-19; dan ii. Menjalani pengasingan berdasarkan ketetapan KKM sekiranya positif COVID-19². iii. Dilarang memasuki premis atau menjalankan aktiviti jika status MySejahtera adalah ‘Berisiko Tinggi’, iaitu kes positif COVID-19 atau dalam tempoh Perintah Pengawasan dan Pemerhatian Rumah (HSO) <p>Nota: ¹ Sila rujuk garis panduan COVID-19 KKM (Annex 25 dan Annex 36) ² Sila rujuk Protokol Kesihatan COVID-19 KKM</p>

Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
7B. Pengurusan Pengembara Yang Baru Tiba di Malaysia¹	<p><u>A) Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memaklumkan syarat keperluan pengembara melalui cara komunikasi yang bersesuaian; dan ii. Memastikan pengembara yang akan memasuki Malaysia, sama ada menggunakan pengangkutan udara, laut atau darat telah melengkapkan borang pra-pelepasan dalam aplikasi MySejahtera, memuat naik keputusan ujian RT-PCR² dan mendapat <i>Travellers Card</i> sebelum menaiki pengangkutan udara, laut atau darat.
	<p><u>B) Pekerja:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan pengembara yang akan menaiki pengangkutan udara, laut dan darat ke Malaysia memaparkan <i>Travellers Card</i> dalam aplikasi MySejahtera yang menunjukkan pengembara telah: <ul style="list-style-type: none"> a. Mengisi borang pra-perlepasan; dan b. Memuat naik dokumen-dokumen berkaitan (sijil vaksinasi (jika ada) dan keputusan ujian RT-PCR)². ii. Memastikan hanya pengembara dengan keputusan negatif ujian RT-PCR yang dibuat dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas sahaja yang dibenarkan menaiki pengangkutan udara, laut dan darat ke Malaysia³.
	<p><u>C) Individu:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pengembara dikehendaki melengkapkan perkara-perkara berikut sebelum berlepas ke Malaysia (contoh: sebelum menaiki pesawat/ semasa di luar negara): <ul style="list-style-type: none"> a. Jalani ujian RT-PCR dalam tempoh dua (2) hari sebelum berlepas²; b. Memuat turun, mendaftar dan mengaktifkan aplikasi MySejahtera; c. Melengkapkan borang pra-perlepasan di ikon 'Pelancong' dalam MySejahtera dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum berlepas ke Malaysia, termasuk maklumat vaksinasi serta memuat naik sijil vaksinasi (jika ada) dan keputusan ujian RT-PCR².
	<p>Nota: ¹ Bagi keperluan khusus pengembara (keperluan selain protokol di atas) antara Malaysia dan negara lain, ia tertakluk kepada perjanjian antara kedua-dua negara dan sila rujuk Garis Panduan Pengangkutan dan Perjalanan.</p> <p>² Keperluan ujian RT-PCR dilakukan dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia hanya untuk individu tidak lengkap vaksinasi atau belum menerima vaksin COVID-19.</p>

Prosedur Operasi Standard (SOP)

Sila pastikan pematuhan ketat terhadap syarat-syarat berikut.

Keperluan	Syarat yang dikuatkuasakan
7B. Pengurusan Pengembara Yang Baru Tiba di Malaysia^{1,2}	<p><u>C) Individu:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ii. Dikehendaki melakukan perkara-perkara berikut semasa ketibaan di Malaysia: <ul style="list-style-type: none"> a. Membawa bersama maklumat-maklumat yang diperlukan sebagai bukti atau memuat naik dalam MySejahtera untuk semakan; b. Mengemukakan <i>Travellers Card</i> yang dipaparkan di dalam aplikasi MySejahtera semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA); dan c. Melalui saringan demam dengan imbasan <i>thermal scanner</i> atau rujukan sendiri kepada petugas kesihatan sekiranya bergejala untuk pemeriksaan lanjut di kaunter kesihatan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA). iii. Bagi pengembara yang tidak lengkap divaksin/ tidak menerima vaksin, memastikan perkara-perkara berikut dilakukan dengan pematuhan prosedur-prosedur berkaitan: <ul style="list-style-type: none"> a. Jalani ujian RTK-Ag profesional di fasiliti kesihatan swasta atau jalani ujian RTK-Ag sendiri yang dipantau³ dalam tempoh 24 jam dari masa ketibaan; dan b. Jalani kuarantin wajib (Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di bawah Akta 342) di rumah/ hotel/ tempat penginapan selama lima (5) hari; c. Isi borang penilaian status kesihatan sendiri (HAT) setiap hari dalam MySejahtera; d. Jalani ujian RT-PCR (hari ke-4) atau ujian RTK-Ag profesional/ ujian RTK-Ag sendiri dengan penyeliaan oleh pengamal perubatan swasta⁴ (hari ke-5). iv. Bagi pengembara berulang-alik secara harian/ kerap melalui sempadan darat perlu mematuhi prosedur yang dinyatakan dalam Garis Panduan Pengangkutan dan Perjalanan¹. <p>Nota: ¹ Bagi keperluan khusus pengembara (keperluan selain protokol di atas) antara Malaysia dan negara lain, ia tertakluk kepada perjanjian antara kedua-dua negara dan sila rujuk Garis Panduan Pengangkutan dan Perjalanan.</p> <p>² Protokol yang sama akan diguna pakai bagi semua kategori pengembara termasuk Umrah, Haji dan pekerja asing.</p> <p>³ Ujian RTK-Ag sendiri dengan penyeliaan oleh pengamal perubatan swasta boleh dijalankan secara maya.</p>

PANDUAN TAMBAHAN

1. Vaksinasi

Muka Surat

11



1. Panduan Vaksinasi

Seseorang individu perlu memenuhi syarat berikut untuk dianggap sebagai vaksinasi lengkap:

Status Vaksinasi Lengkap ^{1,2,4}						
Jenis Vaksin	Jumlah Suntikan Yang Perlu Diterima Mengikut Status Vaksinasi					Tempoh Efektif Status Vaksinasi Selepas Suntikan Terakhir
	Dos Primer Lengkap	Individu		Pengembara		
		Vaksinasi Lengkap (mengikut umur)		Vaksinasi Lengkap (mengikut umur)		
		18-<60 tahun	60 tahun dan ke atas	18-<60 tahun	60 tahun dan ke atas	
<ul style="list-style-type: none"> • CoronaVac (Sinovac) • Covilo (Sinopharm) 	2 dos	3 dos	3 dos	3 dos	3 dos	Suntikan dos primer: 14 hari Suntikan dos penggalak: Selepas suntikan diterima
<ul style="list-style-type: none"> • Comirnaty (Pfizer-BioNTech) • COVID-19 AstraZeneca (Oxford-AstraZeneca) • Spikevax (Moderna) 	2 dos	2 dos	3 dos	2 dos	3 dos	
<ul style="list-style-type: none"> • COVID-19 Janssen (Johnson & Johnson) • Convidecia (CanSino) 	1 dos	1 dos	2 dos	1 dos	2 dos	
• Semua jenis vaksin lain	Mengikut kelulusan pihak berkuasa negara pengeluar					

Nota: ¹ Senarai jenis, jenama vaksin dan definisi vaksinasi lengkap di atas tertakluk kepada pengiktirafan KKM dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa. Untuk vaksin lain yang diiktiraf oleh Penyenaraian Penggunaan Kecemasan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*World Health Organisation's Emergency Use Listing*), definisi vaksinasi lengkap tertakluk kepada pengiktirafan WHO, pihak berkuasa antarabangsa dan negara asal (senarai jenis dan jenama vaksin ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa).

² Semua penerima vaksin Sinovac dan Sinopharm berusia 18 tahun dan ke atas serta penerima semua jenis vaksin dos primer berusia 60 tahun dan ke atas akan kehilangan status Vaksinasi Lengkap dalam aplikasi MySejahtera mereka sekiranya masih belum menerima dos penggalak bermula 1 April 2022. Namun maklumat sejarah vaksin primer yang terdapat dalam aplikasi MySejahtera masih kekal³.

³ Bagi kumpulan individu yang dinyatakan di atas (²), mereka masih boleh melakukan aktiviti-aktiviti yang dibenarkan ke atas individu yang telah menerima vaksinasi lengkap dos primer.

⁴ Bagi jemaah umrah dan haji, Kerajaan Malaysia menetapkan keperluan dos penggalak untuk melindungi jemaah kerana risiko jangkitan yang tinggi di perhimpunan ramai di Tanah Suci. Jemaah berusia 18 tahun ke bawah tidak tertakluk kepada keperluan ini sekiranya mengerjakan umrah bersama ahli keluarga yang lengkap vaksinasi dan dos penggalak.



KAWALAN VERSI

TARIKH	VERSI	KEMASKINI	BAHAGIAN
01.04.22	1.0	N/A	N/A
01.05.22	1.1	Definisi Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis	Arahan Tetap
		Syarat yang dikuatkuasakan oleh Pihak Bertanggungjawab Ke Atas Premis dan Individu	Pengurusan Pengembara Dari Luar Negara



MYSOP

Dokumen ini telah disediakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

HUBUNGI KAMI

Malaysia Government Call Centre

80008000@mygcc.gov.my | 03-8000 8000 | www.malaysia.gov.my

Kementerian Kesihatan Malaysia

cprc@moh.gov.my | 03-7723 9300 | www.moh.gov.my

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

projkkp@moh.gov.my | 03 8886 5343 | www.dosh.gov.my

Untuk maklumat lanjut sila layari:

Portal MKN: <https://www.mkn.gov.my/>

Portal MySOP: <https://www.mysop.gov.my/>

Portal Protokol Kesihatan COVID-19 KKM: <https://covidprotocol.moh.gov.my/>

#ReopeningSafely